

**EFIKASI KENDIRI GURU SEBAGAI TERAS PEDAGOGI TERBEZA BERASASKAN ELEMEN PROSES DALAM PENGAJARAN TILAWAH AL-QURAN: SEBUAH SINTESIS KONSEPTUAL**

**[TEACHER SELF-EFFICACY AS THE CORE OF PROCESS-BASED DIFFERENTIATED PEDAGOGY IN THE TEACHING OF TILAWAH AL-QURAN: A CONCEPTUAL SYNTHESIS]**

Nurul Hamimi Awang Japilan<sup>1</sup>, Jahidih Sali<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, [ustazahnurulhamimi@gmail.com](mailto:ustazahnurulhamimi@gmail.com)

<sup>2</sup>Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah, Kota Kinabalu, [jahidihsali@uitm.edu.my](mailto:jahidihsali@uitm.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.51200/kitab.v2i2.7245>

**ABSTRAK**

Pengajaran Tilawah al-Quran dilaksanakan dalam bilik darjah yang mempunyai kepelbagaian tahap bacaan dan penguasaan tajwid, namun amalan pengajaran masih cenderung bersifat seragam dan berpusatkan guru. Keadaan ini menghadkan keberkesanan bimbingan, pembetulan dan maklum balas semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Literatur sedia ada menunjukkan bahawa pedagogi terbeza sering menumpukan penyesuaian kandungan dan hasil pembelajaran, sedangkan elemen proses PdP masih kurang dihuraikan secara konseptual. Selain itu, faktor dalaman guru yang mempengaruhi keupayaan menyesuaikan proses pengajaran turut belum diberi perhatian yang mencukupi. Oleh itu, artikel ini bertujuan membina satu sintesis konseptual yang meletakkan efikasi sendiri guru sebagai teras kepada pelaksanaan pedagogi terbeza berasaskan elemen proses dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Pendekatan analisis konseptual dan sintesis teori digunakan terhadap literatur terpilih yang berkaitan dengan pedagogi terbeza, amalan proses PdP serta teori efikasi sendiri berasaskan pemikiran Bandura (1997) dan al-Ghazali (1988). Sintesis konseptual ini menghasilkan satu Model Konseptual Integratif yang meletakkan efikasi sendiri guru sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dalam menjelaskan variasi amalan proses PdP, khususnya dari segi penyesuaian tempo pengajaran, bentuk interaksi dan strategi pembelajaran. Model yang dicadangkan menawarkan peluasan konseptual terhadap kerangka pedagogi terbeza sedia ada dengan memusatkan elemen proses sebagai manifestasi langsung efikasi sendiri guru. Pada peringkat amalan, artikel ini menekankan keperluan pembangunan profesional guru yang memfokuskan pengukuhan efikasi sendiri bagi menyokong pengajaran Tilawah al-Quran yang lebih responsif dan bermakna.

**Kata Kunci:** Efikasi Kendiri Guru, Pedagogi Terbeza, Amalan PdP, Tilawah al-Quran, Pendidikan Islam

**ABSTRACT**

*The teaching of Tilawah al-Quran is conducted in classrooms characterised by diverse levels of reading proficiency and mastery of tajwid; however, instructional practices remain largely uniform and teacher-centred. This condition limits the effectiveness of guidance, correction, and feedback during the teaching and learning process (TLP). Existing literature indicates that differentiated pedagogy has predominantly emphasised the adaptation of content and learning outcomes, while the process*

*dimension of the TLP remains underexplored conceptually. In addition, internal teacher-related factors that influence the capacity to adapt instructional processes have received insufficient scholarly attention. Accordingly, this article aims to develop a conceptual synthesis that positions teacher self-efficacy as the core of process-based differentiated pedagogy in the teaching of Tilawah al-Quran. A conceptual analysis and theoretical synthesis approach was applied to selected literature on differentiated pedagogy, instructional process practices, and self-efficacy theory grounded in the works of Bandura (1997) and al-Ghazali (1988). This synthesis culminates in an Integrative Conceptual Model that situates teacher self-efficacy as an independent variable explaining variations in instructional process practices, particularly in terms of instructional pacing, forms of interaction, and learning strategies. The proposed model offers a conceptual extension to existing differentiated pedagogy frameworks by foregrounding the process dimension as a direct manifestation of teacher self-efficacy. At the level of practice, the article underscores the need for teacher professional development that prioritises the strengthening of self-efficacy to support more responsive and meaningful Tilawah al-Quran instruction.*

**Keywords:** *Teacher Self-Efficacy, Differentiated Pedagogy, Teaching and Learning Practices, Tilawah al-Quran, Islamic Education*

## **1. PENGENALAN**

Kepelbagaian murid dalam bilik darjah kini merupakan realiti utama dalam pendidikan kontemporari. Namun, respons pedagogi terhadap kepelbagaian ini masih banyak tertumpu kepada penyesuaian yang bersifat struktur, seperti penyediaan bahan atau aktiviti yang berbeza. Aspek proses pembelajaran pula sering kurang diberi perhatian secara mendalam. Walaupun pedagogi terbeza secara teorinya merangkumi kandungan, proses, produk dan persekitaran, pelaksanaannya dalam bilik darjah sering berlaku secara terpisah dan tidak seimbang (Zurina Mustaffa et al., 2021). Penekanan yang berlebihan terhadap kandungan dan produk secara tidak langsung mengecilkan peranan proses sebagai ruang pedagogi yang sebenar, iaitu ruang interaksi dinamik antara guru dan murid. Dalam pengajaran Tilawah al-Quran, keadaan ini menjadi lebih kritikal kerana keberkesanan pembelajaran tidak ditentukan oleh bahan atau hasil semata-mata, sebaliknya bergantung pada kualiti bimbingan, pembetulan dan maklum balas yang berlaku sepanjang proses PdP (Rodhiana Rosli et al., 2021; Iswandi Harahap et al., 2022). Oleh itu, penumpuan terhadap elemen proses perlu dilihat sebagai keperluan konseptual yang asas dalam memahami pelaksanaan sebenar pedagogi terbeza dalam pengajaran Tilawah al-Quran.

Walaupun kepelbagaian murid dalam Tilawah al-Quran diakui secara meluas, amalan pengajaran yang dilaksanakan masih banyak bersifat seragam dan berpusatkan guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru cenderung mengekalkan tempo pengajaran, kaedah serta bentuk interaksi yang sama kepada semua murid. Penyesuaian terhadap perbezaan tahap bacaan dan penguasaan tajwid pula sering berlaku secara minimum (Ain Nur Atika Agus, 2021). Keadaan ini bukan sekadar berpunca daripada kekangan masa atau sumber, sebaliknya mencerminkan cara proses PdP difahami oleh guru. Apabila proses pengajaran dilihat sebagai rutin penyampaian kandungan, ruang untuk interaksi pedagogi yang fleksibel menjadi semakin terbatas. Kesannya, bimbingan berperingkat kepada murid yang memerlukan sokongan khusus tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan (Mohammad Muzzammil Sharif & Harun Baharudin, 2022). Dalam situasi ini, murid yang lemah terus ketinggalan, manakala murid yang lebih mahir tidak

menerima cabaran yang setimpal. Akhirnya, proses PdP gagal berfungsi sebagai mekanisme pembangunan kemahiran Tilawah al-Quran secara inklusif (Zurina Mustaffa et al., 2022). Hal ini menunjukkan bahawa permasalahan utama terletak pada pelaksanaan dan kawalan proses pengajaran, bukan pada kandungan kurikulum itu sendiri.

Namun begitu, literatur pedagogi terbeza menunjukkan bahawa penjelasan tentang faktor yang mempengaruhi keupayaan guru melaksanakan penyesuaian PdP masih belum mencukupi. Kebanyakan kajian memberi tumpuan kepada aspek yang perlu diubah dalam PdP, namun kurang meneliti sebab sesetengah guru mampu menyesuaikan proses pengajaran secara konsisten, manakala yang lain kekal dengan amalan rutin (Zulaine Awang Taul et al., 2021). Kekangan ini memperlihatkan satu jurang teori yang ketara, khususnya berkaitan mekanisme dalaman guru yang mempengaruhi tindakan pedagogi mereka. Beberapa kajian terkini mencadangkan bahawa efikasi sendiri memainkan peranan penting dalam menentukan kesediaan guru untuk menghadapi risiko pedagogi dan mengawal kompleksiti PdP (Haswani Dzul Karnain et al., 2023; Muhammad Adib Muhammad Yunus & Jamayah Lasot, 2023). Namun, hubungan ini masih belum dihuraikan secara konseptual dalam kerangka pedagogi terbeza yang memfokuskan elemen proses, khususnya dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan mengisi jurang tersebut melalui pembinaan satu sintesis konseptual yang meletakkan efikasi sendiri guru sebagai pemboleh ubah tidak bersandar bagi menjelaskan variasi amalan pedagogi terbeza berasaskan elemen proses.

## **2. ISU DAN PERMASALAHAN AMALAN PROSES PENGAJARAN TILAWAH AL-QURAN**

Dalam pengajaran Tilawah al-Quran, kepelbagaian murid tidak boleh diurus sebagai isu pinggiran, sebaliknya menjadi faktor utama yang membentuk keseluruhan proses PdP. Murid berada pada tahap bacaan yang berbeza, sama ada masih bergelut dengan sebutan asas atau telah mampu membaca dengan lancar dan bertajwid. Perbezaan ini menuntut proses pengajaran yang sentiasa disesuaikan dengan keperluan murid, khususnya dari segi tempo pengajaran dan bentuk interaksi antara guru dan murid (Zurina Mustaffa et al., 2022). Dalam situasi ini, guru tidak wajar bergantung kepada satu kaedah atau satu rentak pengajaran sepanjang sesi PdP. Sebaliknya, pelarasan perlu dibuat secara berterusan berdasarkan respons murid semasa pembelajaran berlangsung (Rodhiana Rosli et al., 2021). Keupayaan untuk melaksanakan pelarasan tersebut memerlukan kepekaan pedagogi serta kebolehan membuat keputusan secara spontan, iaitu keupayaan yang tidak dimiliki oleh semua guru (Iswandi Harahap et al., 2022). Apabila proses PdP gagal disesuaikan dengan variasi murid, kepelbagaian yang sepatutnya menjadi asas pengajaran akhirnya bertukar menjadi punca pembelajaran yang tidak berkesan.

Namun begitu, keperluan untuk menyesuaikan proses PdP sering berdepan dengan kecenderungan guru untuk bergantung kepada rutin pengajaran yang telah lama diamalkan. Rutin ini memberi keyakinan kepada guru kerana hasil pengajaran lebih mudah dijangka, walaupun keberkesanannya semakin terbatas dalam bilik darjah yang mempunyai kepelbagaian murid (Ain Nur Atika Agus, 2021). Dalam pengajaran Tilawah al-Quran, usaha mengubah proses PdP sering dianggap berisiko kerana memerlukan kawalan kelas yang lebih fleksibel serta kesediaan menghadapi respons murid yang pelbagai (Mohammad Muzzammil Sharif & Harun Baharudin, 2022). Kebimbangan terhadap kegagalan atau ketidاكلancaran pengajaran

menyebabkan guru lebih selesa mengekalkan pendekatan sedia ada. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa guru yang kurang yakin terhadap kebolehan diri cenderung mengelakkan perubahan, walaupun menyedari bahawa pendekatan yang digunakan tidak lagi memenuhi keperluan murid (Zulaine Awang Taul et al., 2021). Akibatnya, proses PdP menjadi kaku dan sukar berkembang, sekali gus menghadkan potensi pelaksanaan pedagogi terbeza dalam pengajaran Tilawah al-Quran.

Apabila isu kepelbagaian murid dan kekangan guru diteliti secara menyeluruh, jelas bahawa permasalahan utama tidak berpunca daripada ketiadaan model pedagogi terbeza. Sebaliknya, isu ini berkait rapat dengan faktor dalaman guru, khususnya tahap keyakinan untuk mengawal dan menyesuaikan proses PdP dalam situasi yang mencabar (Zurina Mustaffa et al., 2022). Guru yang meragui keupayaan diri cenderung melihat perubahan proses sebagai gangguan terhadap kestabilan pengajaran, bukan sebagai peluang untuk meningkatkan pembelajaran murid (Haswani Dzul Karnain et al., 2023). Dalam keadaan ini, perubahan pedagogi sering dielakkan walaupun keperluannya jelas. Beberapa kajian turut menunjukkan bahawa efikasi sendiri memainkan peranan penting dalam menentukan kesediaan guru untuk mencuba pendekatan baharu atau terus berpegang kepada amalan lama (Muhammad Adib Muhammad Yunus & Jamayah Lasot, 2023). Oleh itu, perbincangan tentang pedagogi terbeza berasaskan elemen proses perlu memberi perhatian serius kepada faktor dalaman guru sebagai pemacu utama perubahan amalan, dan bukan sekadar menambah baik strategi atau kaedah pengajaran.

### **3. AMALAN PEDAGOGI TERBEZA BERASASKAN ELEMEN PROSES**


Dalam kebanyakan perbincangan pedagogi terbeza, elemen proses sering dirujuk sebagai komponen teknikal yang berkaitan dengan cara murid melaksanakan aktiviti pembelajaran. Namun, dalam pengajaran Tilawah al-Quran, elemen proses perlu difahami sebagai ruang profesional yang menuntut pertimbangan pedagogi secara berterusan dan berisiko. Proses PdP bukan sekadar saluran penyampaian, sebaliknya merupakan medan bagi guru membuat keputusan segera berdasarkan bacaan murid, tahap kesilapan, respons emosi dan masa yang tersedia (Zurina Mustaffa et al., 2022). Keputusan untuk memperlahankan tempo bacaan, menangguhkan pembetulan atau mengubah bentuk interaksi bukan keputusan rutin, sebaliknya melibatkan pertimbangan tentang keberkesanan, kawalan kelas dan keyakinan profesional guru sendiri. Dalam konteks ini, elemen proses menjadi penentu utama sama ada pedagogi terbeza benar-benar berlaku atau sekadar kekal sebagai wacana teori (Rodhiana Rosli et al., 2021). Apabila guru gagal mengawal proses PdP secara fleksibel, pedagogi terbeza runtuh walaupun kandungan dan kaedah telah dipelbagaikan. Justeru, elemen proses tidak boleh dianggap sebagai komponen neutral, tetapi sebagai teras yang memperlihatkan kapasiti sebenar guru dalam mengurus ketidakpastian pedagogi Tilawah al-Quran.

Pengetahuan pedagogi kandungan sering dianggap sebagai prasyarat asas kepada pengajaran yang berkesan, namun dalam konteks pedagogi terbeza berasaskan elemen proses, pengetahuan ini berfungsi sebagai asas pertimbangan profesional ketika guru berhadapan dengan situasi yang tidak dijangka. Dalam pengajaran Tilawah al-Quran, kesalahan bacaan murid jarang bersifat seragam, dan guru perlu mentafsir sama ada kesalahan tersebut berpunca daripada kelemahan tajwid, masalah kefasihan, atau ketidakstabilan emosi murid semasa membaca (Zurina Mustaffa et al., 2022). Tanpa pengetahuan pedagogi kandungan yang mendalam, guru cenderung bertindak secara mekanikal, sama ada membetulkan

semua kesalahan secara serta-merta atau mengabaikannya demi mengekalkan kelancaran PdP. Perancangan guru pula tidak boleh difahami sebagai skrip pengajaran yang perlu dipatuhi secara literal, tetapi sebagai hipotesis pedagogi yang sentiasa terdedah kepada pembetulan berdasarkan respons murid (Iswandi Harahap et al., 2022). Apabila perancangan dianggap terlalu kaku, guru kehilangan ruang untuk menyesuaikan proses, sekali gus melemahkan potensi pedagogi terbeza dalam pengajaran Tilawah al-Quran.

Dalam amalan sebenar, keadilan pedagogi sering berhadapan dengan kekangan praktikal bilik darjah, khususnya apabila guru berusaha menyeimbangkan keperluan murid yang pelbagai dalam masa yang terhad. Dalam pengajaran Tilawah al-Quran, keadilan bukan terletak pada pemberian peluang membaca yang sama, tetapi pada kesesuaian bentuk bimbingan yang diberikan kepada setiap murid (Zurina Mustaffa et al., 2022). Murid yang lemah memerlukan sokongan yang lebih intensif, manakala murid yang lebih mahir memerlukan cabaran yang berbeza agar pembelajaran tidak terhenti. Pelaksanaan kaedah pengajaran yang pelbagai hanya menjadi bermakna apabila guru berupaya mengaitkan kaedah tersebut dengan matlamat pembelajaran murid secara individu, bukan sekadar mempelbagaikan aktiviti (Ain Nur Atika Agus, 2021). Tanpa kawalan proses yang jelas, kepelbagaian kaedah boleh berubah menjadi amalan terpecah-pecah yang tidak menyumbang kepada keadilan sebenar. Keadaan ini menunjukkan bahawa keadilan pedagogi bukan isu pilihan kaedah, tetapi isu keupayaan guru menilai dan menyesuaikan proses PdP secara berterusan.

Keupayaan guru mengubah suai proses PdP merupakan indikator paling nyata bagi pelaksanaan pedagogi terbeza berasaskan elemen proses. Namun, keupayaan ini tidak berlaku secara automatik walaupun guru memiliki pengetahuan dan perancangan yang baik. Dalam pengajaran Tilawah al-Quran, pelarasan proses sering melibatkan keputusan yang bersifat segera dan tidak mempunyai jaminan hasil, seperti memilih untuk memperlahankan tempo bacaan walaupun silibus perlu dihabiskan atau memberi tumpuan kepada seorang murid sedangkan murid lain menunggu (Mohammad Muzzammil Sharif & Harun Baharudin, 2022). Keputusan-keputusan ini memerlukan keberanian profesional dan kesediaan untuk mengurus ketidakpastian PdP. Apabila guru memilih untuk tidak mengubah proses, pengajaran menjadi lebih terkawal tetapi kurang responsif. Sebaliknya, apabila guru berani menyesuaikan proses, risiko kegagalan jangka pendek mungkin wujud, namun potensi pembelajaran murid meningkat. Oleh itu, amalan mengubah suai proses PdP bukan sekadar kemahiran teknikal, tetapi mencerminkan kapasiti dalaman guru dalam mengimbangi kawalan, fleksibiliti dan tanggungjawab pedagogi. Model pedagogi terbeza oleh Zurina et al. (2022) boleh dijelaskan dalam bentuk rajah dalam Rajah 1 di bawah.



**Rajah 1** Model Pedagogi Terbeza berasaskan elemen proses PdP Tilawah al- Quran oleh Zurina Mustaffa *et al.*, (2022)

**4. EFIKASI KENDIRI GURU SEBAGAI PEMOLEH UBAH TIDAK BERSANDAR**

Efikasi sendiri guru merujuk kepada kepercayaan profesional terhadap keupayaan diri untuk melaksanakan pengajaran secara berkesan dalam situasi sebenar bilik darjah yang kompleks dan tidak menentu. Dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran, efikasi sendiri merujuk kepada penilaian dalaman guru terhadap kebolehan mengurus kepelbagaian murid, membuat keputusan pedagogi secara segera serta menanggung risiko kegagalan jangka pendek demi memastikan pembelajaran murid (Zurina Mustaffa *et al.*, 2021; Mohammad Muzzammil Sharif & Harun Baharudin, 2022). Kajian menunjukkan bahawa guru dengan tahap efikasi sendiri yang tinggi lebih cenderung mempamerkan kawalan profesional yang fleksibel, manakala guru dengan efikasi sendiri rendah cenderung mengekalkan pendekatan tradisional yang dianggap lebih selamat (Muhammad Zulazizi Mohd Nawi *et al.*, 2021; Paharudin Arbain *et al.*, 2022). Hal ini menunjukkan bahawa efikasi sendiri berfungsi sebagai konstruk psikologi profesional yang mempengaruhi tafsiran guru terhadap cabaran PdP sebelum sebarang tindakan pedagogi diambil. Dalam pengajaran Tilawah al-Quran, konstruk ini menjadi asas dalaman yang menentukan sama ada guru berani menyesuaikan proses PdP atau memilih untuk kekal dalam rutin sedia ada.

Menurut Bandura (1997), efikasi sendiri terbentuk melalui empat sumber utama iaitu pengalaman, pengalaman tidak langsung, pujukan lisan dan keadaan emosi. Dalam pengajaran Tilawah al-Quran, pengalaman terhasil apabila guru berjaya membantu murid mengatasi kelemahan bacaan melalui penyesuaian proses

PdP yang berkesan, sekali gus mengukuhkan keyakinan profesional mereka (Haswani Dzul et al., 2021; Safinah Ismail et al., 2024). Pengalaman tidak langsung pula berlaku apabila guru memerhati rakan sejawat berjaya melaksanakan pedagogi terbeza, yang membentuk jangkaan bahawa perubahan proses PdP adalah sesuatu yang realistik dan boleh dicapai (Ain Nur Atika Agus, 2021; Zurina Mustaffa et al., 2022). Pujukan lisan daripada pentadbir dan rakan sekerja berfungsi mengurangkan keraguan profesional, manakala keadaan emosi yang stabil membolehkan guru membuat keputusan pedagogi secara rasional ketika PdP berlangsung (Wardyawaty Rajikal & Mohd Isa Hamzah, 2020). Seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.1, keempat-empat sumber ini mengalir secara serentak membentuk efikasi sendiri guru dan seterusnya mempengaruhi kesediaan mereka mengubah proses PdP.


Dalam kerangka pemikiran al-Ghazali (1988), pembentukan efikasi sendiri guru turut dipengaruhi oleh dimensi motivasi dan usaha yang berpaksikan orientasi tujuan pendidikan. Orientasi ini merujuk kepada kesedaran terhadap amanah pendidikan sebagai ibadah serta tanggungjawab moral yang perlu dilaksanakan dengan penuh keinsafan. Orientasi tujuan pendidikan yang jelas membentuk dorongan dalaman untuk melaksanakan pengajaran secara bersungguh-sungguh, terutamanya apabila guru berhadapan dengan murid yang lemah dan memerlukan bimbingan berulang. Namun, motivasi sahaja tidak memadai tanpa disertai mujahadah, iaitu usaha berterusan yang menuntut kesabaran, ketekunan dan keazaman untuk terus menambah baik amalan PdP walaupun berdepan dengan kekangan masa dan tekanan prestasi (Zurina Mustaffa et al., 2021; Paharudin Arbain et al., 2022). Dalam pengajaran Tilawah al-Quran, mujahadah dapat dilihat apabila guru terus menyesuaikan proses PdP walaupun perubahan tersebut tidak menghasilkan kesan serta-merta. Selari dengan Rajah 1.1, motivasi dan usaha berfungsi sebagai dimensi dalaman yang mengukuhkan efikasi sendiri guru, khususnya dalam situasi PdP yang mencabar dan berisiko dari sudut pedagogi.

Apabila kerangka Bandura (1997) dan al-Ghazali (1988) diintegrasikan, efikasi sendiri guru dapat difahami sebagai satu konstruk holistik yang merangkumi dimensi kognitif, emosi, motivasi dan kerohanian. Dimensi kognitif melibatkan penilaian keupayaan diri, manakala dimensi emosi mempengaruhi kestabilan guru dalam membuat keputusan pedagogi. Pada masa yang sama, dimensi motivasi dan kerohanian membentuk ketahanan dalaman guru untuk terus berusaha secara berterusan dalam jangka panjang (Zurina Mustaffa et al., 2022; Normah Jusof & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2021). Dalam pengajaran Tilawah al-Quran, keempat-empat dimensi ini berinteraksi secara serentak apabila guru berhadapan dengan keperluan menyesuaikan proses PdP bagi murid yang berada pada tahap penguasaan yang berbeza (Ain Nur Atika Agus, 2021; Safinah Ismail et al., 2024). Rajah 1.1 memperlihatkan integrasi ini dengan jelas melalui penggabungan semua dimensi sebagai faktor penyumbang kepada konstruk teras efikasi sendiri. Oleh itu, efikasi sendiri perlu difahami sebagai kekuatan dalaman yang bersifat dinamik dan sentiasa berkembang, bukannya sebagai ciri statik guru.

Efikasi sendiri juga berfungsi sebagai penghubung utama antara pengetahuan pedagogi dan pelaksanaan sebenar proses PdP. Pelbagai kajian menunjukkan bahawa guru yang memiliki tahap efikasi sendiri yang tinggi lebih cenderung melaksanakan pedagogi terbeza secara fleksibel dan responsif, manakala guru dengan efikasi sendiri yang rendah cenderung mengekalkan pendekatan berpusatkan guru bagi mengekalkan kawalan PdP (Zurina Mustaffa et al., 2021; Mohammad Muzzammil Sharif & Harun Baharudin, 2022). Dalam pengajaran

Tilawah al-Quran, efikasi sendiri mempengaruhi keberanian guru untuk mengambil risiko pedagogi, seperti mengubah tempo bacaan atau memberi tumpuan intensif kepada murid tertentu walaupun berhadapan dengan kekangan masa (Paharudin Arbain et al., 2022; Muhammad Zulazizi Mohd Nawi et al., 2021). Dapatan kajian turut menunjukkan hubungan positif antara efikasi sendiri guru dengan pencapaian murid serta kualiti maklum balas pengajaran (Haswani Dzul et al., 2021; Safinah Ismail et al., 2024). Sehubungan itu, efikasi sendiri wajar diposisikan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar yang menjelaskan variasi amalan proses PdP dalam pelaksanaan pedagogi terbeza Tilawah al-Quran.

Kerangka efikasi sendiri yang digambarkan dalam Rajah 2 menyediakan asas teori yang penting untuk memahami pembentukan kepercayaan profesional guru melalui interaksi antara pengalaman, keadaan emosi, motivasi dan usaha. Walau bagaimanapun, kerangka ini bersifat umum dan belum menjelaskan secara khusus terjemahan efikasi sendiri ke dalam tindakan pedagogi dalam konteks pengajaran tertentu. Dalam pengajaran Tilawah al-Quran, cabaran utama terletak pada pengaruh efikasi sendiri terhadap keputusan guru dalam mengawal dan menyesuaikan proses PdP yang bersifat dinamik. Oleh itu, kerangka teori ini perlu dikembangkan ke tahap konseptual yang lebih aplikatif bagi menjelaskan hubungan antara efikasi sendiri guru dan amalan pedagogi terbeza berasaskan elemen proses. Peralihan daripada kerangka teori kepada model konseptual dalam kajian ini bertujuan menghubungkan faktor dalaman guru dengan tindakan pedagogi sebenar, sekali gus merapatkan jurang antara teori psikologi pendidikan dan amalan pengajaran Tilawah al-Quran di bilik darjah.



**Rajah 2** Kerangka Teori Kajian Efikasi Kendiri oleh al-Ghazali (1988) dan Bandura (1997)

## **5. MODEL KONSEPTUAL INTEGRATIF EFIKASI KENDIRI DAN ELEMEN PROSES PEDAGOGI TERBEZA**


Keperluan pembinaan model konseptual dalam kajian ini berpunca daripada keterbatasan literatur sedia ada yang cenderung membincangkan pedagogi terbeza dan efikasi sendiri secara terpisah, tanpa menghuraikan hubungan antara keduanya dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran. Walaupun kerangka pedagogi terbeza seperti yang dikemukakan oleh Zurina et al. (2022) telah menghuraikan



elemen proses sebagai komponen penting PdP, kerangka tersebut masih belum menjelaskan faktor yang membezakan keupayaan sesetengah guru untuk mengoperasikan proses PdP secara fleksibel berbanding guru yang kekal dengan pendekatan seragam. Jurang ini menunjukkan keperluan satu model yang bukan sekadar menyusun komponen pedagogi, tetapi menjelaskan faktor dalaman guru yang memacu atau membataskan perubahan amalan. Model konseptual integratif yang dicadangkan dalam kajian ini dibina bagi merapatkan jurang tersebut dengan meletakkan efikasi sendiri guru sebagai asas penjelasan terhadap variasi amalan proses PdP. Dengan itu, model ini berfungsi sebagai peluasan konseptual kepada kerangka Zurina et al. (2022), bukan dengan menafikan struktur sedia ada, tetapi dengan memperkukuhnya melalui dimensi psikologi dan profesional guru yang selama ini kurang diberi perhatian secara sistematik.

Struktur Model Konseptual Integratif ini menjelaskan efikasi sendiri guru sebagai pemboleh ubah tidak bersandar yang terbentuk melalui interaksi enam dimensi utama, iaitu pengalaman, pengalaman tidak langsung, pujukan lisan, keadaan emosi, motivasi dan usaha. Keenam-enam dimensi ini tidak berfungsi secara linear, sebaliknya saling berinteraksi membentuk kepercayaan profesional guru terhadap keupayaan mengawal proses PdP dalam situasi sebenar bilik darjah. Efikasi sendiri yang terbentuk seterusnya mempengaruhi amalan pedagogi terbeza berasaskan elemen proses, yang diposisikan sebagai pemboleh ubah bersandar dalam model ini. Mekanisme pengaruh yang dicadangkan bukan bersifat langsung atau mekanikal, tetapi berlaku melalui proses kognitif dan afektif guru ketika membuat keputusan pedagogi, seperti menilai risiko perubahan, menjangka respons murid dan mengurus ketidakpastian PdP. Dalam konteks Tilawah al-Quran, mekanisme ini menjelaskan pengaruh efikasi sendiri terhadap keberanian guru untuk mengubah tempo bacaan, mmpelbagaikan bentuk interaksi dan melaksanakan penyesuaian proses mengikut situasi. Oleh itu, model ini memberi gambaran yang lebih realistik tentang proses berlakunya perubahan pedagogi, iaitu melalui kepercayaan dalaman guru yang memediasi hubungan antara pengetahuan pedagogi dan tindakan pengajaran sebenar.

Model Konseptual Integratif seperti dalam Rajah 3 di bawah menyumbang kepada pengembangan teori pedagogi Pendidikan Islam dengan menyediakan satu kerangka penjelasan yang menghubungkan dimensi psikologi pendidikan dan pemikiran Islam secara tersusun. Dari sudut teori, model ini memperluas perbincangan pedagogi terbeza dengan meletakkan elemen proses sebagai aspek penting PdP yang berkait secara langsung dengan efikasi sendiri guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Integrasi perspektif Bandura dan al-Ghazali pula membantu memperjelas kefahaman tentang efikasi sendiri sebagai satu konstruk menyeluruh yang merangkumi dimensi kognitif, emosi, motivasi dan kerohanian. Sumbangan ini penting kerana ia menyediakan alternatif konseptual kepada pendekatan pedagogi yang terlalu menumpukan struktur dan prosedur semata-mata, dengan menegaskan peranan faktor dalaman guru sebagai pemacu utama perubahan pengajaran. Secara keseluruhan, model ini menyediakan asas teori yang kukuh untuk penyelidikan empirikal pada masa hadapan, di samping membuka ruang perbincangan baharu tentang keperluan memfokuskan pembangunan profesional guru Pendidikan Islam kepada pengukuhan efikasi sendiri agar pedagogi terbeza berasaskan elemen proses dapat dilaksanakan secara bermakna dan berterusan.



**Rajah 3** Faktor peramal Pedagogi Terbeza Berasaskan Elemen Proses Pengajaran Tilawah al-Quran

## 6. KESIMPULAN

Secara keseluruhan, artikel ini menegaskan bahawa efikasi sendiri guru merupakan teras penting yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pedagogi terbeza berasaskan elemen proses dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Perbincangan konseptual yang dikemukakan menunjukkan bahawa proses PdP bukan sekadar ruang teknikal pelaksanaan pengajaran, sebaliknya satu medan profesional yang menuntut keupayaan guru membuat keputusan secara fleksibel dan reflektif. Oleh itu, variasi amalan proses PdP tidak wajar difahami hanya melalui perbezaan pengetahuan pedagogi atau perancangan pengajaran. Sebaliknya, variasi ini perlu diteliti melalui kekuatan dalaman guru dalam mengawal ketidakpastian pedagogi semasa pengajaran berlangsung. Model Konseptual Integratif yang dicadangkan menunjukkan bahawa efikasi sendiri berfungsi sebagai mekanisme dalaman yang menghubungkan kepercayaan profesional guru dengan tindakan pengajaran sebenar, khususnya dalam penyesuaian tempo, bentuk interaksi dan strategi pembelajaran Tilawah al-Quran. Dengan memusatkan perhatian kepada elemen proses, artikel ini mengalihkan fokus perbincangan pedagogi daripada persoalan kandungan pengajaran kepada kawalan proses PdP, sekali gus memperkukuh pemahaman tentang transformasi pengajaran Tilawah al-Quran yang lebih realistik dan berasaskan situasi bilik darjah.

Dari sudut implikasi, artikel ini menyumbang kepada pembangunan teori pedagogi Pendidikan Islam dengan mengemukakan satu kerangka konseptual yang menjelaskan hubungan antara faktor dalaman guru dan amalan proses PdP secara lebih menyeluruh. Implikasi praktikal kajian ini menunjukkan bahawa usaha memperkukuh pedagogi terbeza tidak mencukupi sekiranya hanya tertumpu kepada latihan kaedah dan strategi pengajaran. Sebaliknya, penekanan perlu diberikan kepada pembangunan efikasi sendiri guru melalui pengalaman pengajaran yang bermakna, sokongan profesional dan pengukuhan motivasi dalaman. Dalam konteks latihan guru Pendidikan Islam, dapatan konseptual ini mencadangkan keperluan modul pembangunan profesional yang menumpukan kepada keupayaan guru mengurus risiko pedagogi serta membuat keputusan secara reflektif dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Dari sudut penyelidikan pula, model konseptual yang

dicadangkan membuka ruang kepada kajian empirikal pada masa hadapan untuk menguji hubungan antara efikasi sendiri dan amalan pedagogi terbeza berasaskan elemen proses melalui pendekatan kuantitatif, kualitatif atau campuran. Kajian lanjutan juga boleh meneliti peranan faktor kontekstual sebagai pemboleh ubah pengantara atau moderator bagi memperhalus pemahaman terhadap pelaksanaan transformasi proses PdP Tilawah al-Quran secara berterusan dan lestari.

## 7. RUJUKAN

- Ain Nur Atika Agus. (2021). Tahap Pengetahuan dan Kesediaan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pendekatan Terbeza dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 75-87.
- Al-Ghazali, A. H. M. (1988). *Ihya ulum al-din*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. W.H. Freeman and Company.
- Haswani Dzul, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Kesan Kepercayaan dan Efikasi Kendiri ke atas Pengajaran Pendidikan Islam Berintegrasikan KBAT di Malaysia: Satu Analisis Multilevel. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 80–93. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i12.1180>
- Iswandi Harahap, Mohammad Razali Ali, Nasrudin Md Rahim, Mohd Adlin Salleh, Muhamad Wazir Muslat & Mohd Bakri Abu Bakar. (2022). Hubungan Antara Efikasi Kendiri Dengan Tahap Pencapaian Akademik Mahasiswa Semasa Proses Pembelajaran Atas Talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(6), e001566. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i6.1566>
- Mohd Muzzammil Sharif, & Harun Baharudin. (2023). Implementasi Pengajaran Terbeza Tilawah al-Quran dan Keterlibatan Murid di Sekolah Rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*.
- Muhammad Adib & Jamayah Lasot, (2023). Tahap efikasi sendiri Guru Pelatih Pendidikan Islam IPGKTAR dengan amalan Pembelajaran Abad Ke-21 semasa praktikum. *Prosiding Penyelidikan Pendidikan Islam (PPPI) IPGKTAR 2023*, 1, 87 – 92.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi, & Muhammad Amirul Mohd Nor. (2021). Meningkatkan kemahiran mengingat lima hukum asas tajwid dalam tilawah Al-Quran. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 3(1), 23–32. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0301.200>
- Norma Jusof & Wan Ismail Wan Abdul Fattah. (2021). Sikap Guru Pendidikan Islam Terhadap Pengajaran Berpusatkan Murid Di Sekolah Kebangsaan. *Jurnal IPDA*, (28).
- Paharudin Arbain, Hafilah Abd Satar, & Luqman Nur Hakim. (2022). Tahap Amalan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam pengajaran Tilawah al-Quran peringkat sekolah rendah. *JAUHARI Jilid IV*, 60–65.
- Rodhiana Rosli, Siti Eshah Mokhsein & Zahari Suppian. (2021). International Journal of Education and Training Faktor yang Mempengaruhi Efikasi Kendiri Guru dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah di Sekolah Rendah. *International Journal of Education and Training (InJET)* (Vol. 7, pp. 1–6). Oktober. Retrieved from <http://www.injet.upm.edu.my>
- Safinah Ismail, Nor Musliza Mustafa & Syarul Azman Shaharuddin. (2024). al-Quran Memorization Techniques For Primary School Use in Fun-Q Digital

- Applications. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(1), 1899–1918.
- Wardyawaty Rajikal & Mohd Isa Hamzah. (2020). Kajian Sistematis Pengajaran Abad Ke-21 (PAK21) dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 103–113. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v4i2.46>
- Zulaine Awang Taul, Mohd Khairuddin Abdullah, Mohd Mahadzir Rahimi & Mohamed Nawi. (2021). Hubungan Antara Efikasi Kendiri Guru dengan Prestasi Kerja dalam kalangan Abstrak The Relationship Between Teachers' Self-Efficacy and Job Performance Among Teachers in Interior Areas , Sabah Abstract Pengenalan Objektif Kajian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 352–362. Retrieved from [www.msocsciences.com](http://www.msocsciences.com)
- Zurina Mustafa, Zaharah Hussien, & Abdul Muhsin Sulaiman. (2021). Kaedah pengajaran pedagogi terbeza dalam konteks gaya belajar dan keadilan kepada murid: Pemikiran Imam Ibn Sahnun. *Global Journal Al-Thaqafah: GJAT*, 11(2), -18.
- Zurina Mustafa, Zaharah Hussien & Abdul Muhsien Sulaiman. (2022). Kaedah Fuzzy Delphi: Reka bentuk pembangunan model pedagogi terbeza berasaskan elemen proses pengajaran dalam mata pelajaran tilawah al-Quran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), 1-18.